



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA 2023 PERINGKAT NEGERI MELAKA DAN MALAYSIA TECHLYMPICS 2023 PERINGKAT ZON SELATAN

AYER KEROH, 12 Oktober 2023 – Karnival Minggu Sains Negara (MSN) 2023 Peringkat Negeri Melaka anjuran bersama Kerajaan Negeri Melaka telah diadakan di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh, Melaka hari ini. Karnival yang dirasmikan oleh YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ini dijangka menarik lebih 7,000 penyertaan yang terdiri daripada komuniti setempat iaitu pelajar sekolah, penuntut institusi pengajian tinggi serta orang awam. Penganjuran program ini diadakan bersempena penganjuran Smart Melaka International Conference and Expo 2023 (SMIX).

Karnival MSN Peringkat Negeri Malaka kali ini menawarkan pelbagai pengisian interaktif seperti pameran berteraskan sains, teknologi dan inovasi (STI) di ruwai pameran, demonstrasi sains dan bual bicara yang berteraskan STI untuk masyarakat setempat. Ia juga memberi peluang kepada penggerak dan pengamal STI tempatan mengetengahkan teknologi dan inovasi mereka yang tersendiri kepada umum, khususnya kepada anak-anak negeri Melaka.

Pada masa yang sama, bagi memastikan capaian yang lebih luas kepada kumpulan sasaran di seluruh negara seperti pelajar sekolah, belia kolej dan institusi pengajian tinggi, para guru, pemain industri serta orang awam, pelaksanaan MSN turut dilaksanakan secara dalam talian melalui kerjasama antara jabatan serta agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), institusi pengajian tinggi, badan swasta dan persatuan serta rakan-rakan strategik yang berkaitan. Program-program yang dijalankan termasuklah webinar, forum, kuiz serta cabaran penerokaan berdasarkan bidang-bidang fokus yang telah ditetapkan.

Dalam ucapan perasmian YB Tuan Chang Lih Kang, beliau menekankan bahawa pelaksanaan inisiatif ini adalah selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021 - 2030. Pelan ini merupakan salah satu inisiatif MOSTI dalam usaha untuk menggerakkan pelaksanaan pelbagai inisiatif pembudayaan dan aktiviti kesedaran STI secara besar-besaran.

Turut dianjurkan adalah Malaysia Techlympics yang merupakan inisiatif MOSTI yang dilaksanakan sejak tahun 2022 dalam usaha memupuk minat generasi muda terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pendekatan pertandingan yang lebih menyeronokkan, membudayakan belia dengan minda kritikal, set kemahiran dan inovasi yang lebih bermakna serta berimpak tinggi.

Penganjuran Malaysia Techlympics 2023 Peringkat Zon Selatan ini merupakan pelaksanaan zon keenam selepas Peringkat Zon Utara, Zon Sabah, Zon Tengah, Zon Sarawak dan Zon Timur. Seramai lebih 2,500 orang peserta telah berkumpul bersama-sama dan bersaing di Peringkat Zon Selatan ini bagi melayakkan diri ke Peringkat Akhir Kebangsaan yang akan diadakan pada bulan November 2023 di Putrajaya. Pelbagai pertandingan yang berteraskan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), Internet kebendaan (IoT), dron, pengkodan dan robotik yang dipertandingkan di peringkat negeri dan zon. Sehingga hari ini, Malaysia Techlympics telah berjaya meraih 1.7 juta penyertaan daripada seluruh negara.

Antara pengisian utama Malaysia Techlympics di bawah tema Keterangkuman Malaysia Madani juga adalah latihan kepada guru-guru atau ToT. Di Peringkat Zon Selatan sendiri dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor yang melibatkan empat belas (14) buah lokasi di zon Selatan yang melibatkan lebih daripada 21,571 orang pelajar dan guru-guru.

Untuk maklumat lanjut mengenai Minggu Sains Negara dan Malaysia Techlympics dijemput untuk melayari laman web rasmi minggusainsnegara.mosti.gov.my dan home.techlympics.my.

TAMAT

Disediakan oleh:
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
12 OKTOBER 2023